

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1999/2000

September 1999

PPG 218 / PDP 418 – Kaedah Mengajar Kesusasteraan 1

Masa : (2 Jam)

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi 10 muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

**ARAHAN :** Jawab soalan Bahagian A, Bahagian B dan satu soalan daripada Bahagian C

**BAHAGIAN A**

1. Huraikan 5 daripada konsep-konsep berikut dalam pengajaran-pembelajaran kesusasteraan. Jawapan hendaklah ringkas dan padat.

- a) Teori afektif
- b) Pendekatan Struktural
- c) Pendekatan Mengalami-Menghayati
- d) Pendekatan Berfokus
- e) Pendekatan Bersepadu
- f) Pendekatan Ekstensif dalam pengajaran novel
- g) Biblioterapi
- h) Penerapan nilai-nilai murni

(40 markah)

**BAHAGIAN B**

2. Berdasarkan karya dalam LAMPIRAN A (Cerpen "*Nenek*") atau LAMPIRAN B (Puisi "*Suasana*"), tulis satu rancangan pelajaran yang lengkap untuk pelajar tingkatan empat selama 40 minit. Anda boleh membuat berbagai andaian sendiri mengenai latar belakang pelajar-pelajar berkenaan.

(30 markah)

...2/-

**BAHAGIAN C**

Pilih dan Jawab **SATU** Soalan sahaja.

3. Bincangkan bagaimana anda merancang satu rancangan kerja yang sesuai bagi mengajarkan novel *Mereka Yang Tertewas*. Huraikan mengikut aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang boleh dilaksanakan dengan objektif perancangan anda.

(30 markah)

4. Huraikan bagaimana perancangan pelajaran drama dapat dilaksanakan dengan berkesan di sebuah sekolah menengah.

(30 markah)

...3/-

# Nenek

ZURINAH HASSAN

**A**nakku bernyanyi-nyanyi sambil beraksi, menggoyang-goyangkan badannya dan merebahkan diri ke atas tilam menandakan rumah telah runtuh. Aku melihatnya. Kenangan yang halus dan menghiris itu datang lagi.

Nenekku yang telah tua dan muram wajahnya. Rumahnya yang juga telah tua dan usang rupanya. Ke mana menghilang segala seri dan kemeriahan yang menghias rumah itu dahulu. Dan aku adalah sebahagian daripada kemeriahan yang hilang itu.

Aku tahu nenek selalu teringatkan rumahnya. Hatinya hancur luluh mengenangkan rumah yang tinggal sepi tidak berbela. Kawasan sekeliling yang dahulunya taman permainanku menjadi hutan lalang.

"Kautulis surat kepada Pak Lang atau Pak Andak. Suruh pergi tengok rumah. Suruh dalamkan parit nanti habis rumah ditenggelami air. Suruh racunkan lalang. Tengok tilam bantal. Tengok kain baju dan tilam-tilam Tuk Ayah. Entahkan sudah habis dimakan tikus. Entahkan sudah habis dimakan anai-anai."

Aku tidak tahan menentang mata nenek yang terlalu sayu dan jauh. Rumah itu adalah kenangan yang mesra. Rumah itu dan segala isinya adalah milik yang disayangi, kepunyaan yang didapati dengan

249 *KELAPA NAN SEBATANG*

keringat dan air mata. Jika barang-barang itu dimakan anai-anai hati nenek akan hancur luluh bersamanya. Rumah itulah hatinya.

Aku dapat merasakan kerana di situlah juga aku mula mengenal dunia dan segala isinya. Cuma aku tidak mampu membenarkan perasaan itu merebak luas-luas mengoyak-ngoyak hatiku. Dalam keadaan hidupku yang serba meminta ini aku telah belajar membunuh segala yang dapat menghanyutkan aku ke lautan perasaan. Aku adalah daripada angkatan baru yang diminta menghadapi hidup dengan keras hati.

Esoknya nenek yang kukasihi itu bertanya lagi, "Sudah kautulis surat itu?"

"Uuuup, maaf nek, saya terlupa. Banyak kerja di pejabat."

Nenek pun diam. Barangkali dia juga mengagak akan mendapat jawapan sedemikian. Setelah bertahun-tahun di tengah-tengah anak dan cucu yang sering berkata: "Banyak kerja sekarang," nenek sudah belajar mengunyah keadaan ini. Dia juga turut mempelajari dan membiasakan diri dengan satu lagi aspek hidup kami iaitu sentiasa memburu. Lalu esoknya dia terus memburu jawapan itu daripadaku, "Sudah kautulis surat itu?"

"Ya, saya sudah tulis." Sebenarnya aku berbohong. Aku masih lupa menuliskannya kerana sepenuh daya fikiranku masih tertumpu kepada soal-soal rasmi. Aku telah berbohong kepada orang tua yang tidak berdaya itu. Ini bukan berbohong tetapi apa yang disebut oleh orang-orang sekarang sebagai 'berdiplomasi'. Aku mesti berdiplomasi untuk tidak menambahkan kesedihannya.

Esoknya surat itu kutulis juga. Aku sampaikan semua pesanan nenek dengan cara yang ringkas mungkin. Cara beringkas-ringkas itu bukan sahaja untuk menampakkan kesibukanku tetapi juga kerana aku tahu yang Pak Lang dan Pak Andak adalah orang-orang yang sama-sama sibuk, yang tidak patut kuganggu dengan surat-surat yang panjang-panjang. Aku tidak pasti bila mereka akan ke rumah nenek atau apakah mereka akan ke rumah nenek seperti yang dipintanya. Namun setelah kutulis surat itu lepaslah satu beban.

Seperti aku, semua anak dan cucu nenek telah menjadi orang-orang sibuk kerana mereka adalah orang-orang penting. Bukankah ini yang nenek doakan siang dan malam ketika merentas hutan

bakau, meranduk hutan merenung satu masa dahulu? Bukankah doa nenek dan Tuk Ayah telah termakbul.

Nenek sendiri yang menceritakan kisah-kisah lamanya. Dia dan Tuk Ayah menghadapi segala jerih payah untuk menyekolahkan bapa-bapa saudaraku di sekolah Inggeris berasrama, jauh di Alor Setar. Itu bukanlah satu perkara yang mudah bagi suami isteri yang miskin lebih-lebih lagi empat puluh atau lima puluh tahun yang lampau. Adik-beradik nenek tidak ada yang menghantar anak jauh-jauh. Malahan banyak pula yang langsung tidak pernah memijak lantai sekolah. Kesedaran inilah yang paling kukagumi kepada diri nenek dan Tuk Ayah.

Bukan mudah bagi satu keluarga yang jauh di kampung menghantar anak ke sekolah menengah. Nenek dan Tuk Ayah pernah menghadapi sungutan daripada adik-beradik mereka yang bimbang sekeping dua tanah yang ada akan lesap kerana menyekolahkan anak-anak. Bahkan sampai ke peringkat aku pun sungutan-sungutan atau apa yang mereka sebut 'nasihat' masih kedengaran. Seorang adik nenek pernah berkata, "Apa ni kak, cucu perempuan dibiarkan menghadap buku. Kakak yang tua teruk-teruk memasak dan membasuh. Cucu saya pun sekolah juga tapi tidaklah membaca dan menulis sepanjang masa. Ingat kak, dia tu perempuan. Dah besar panjang. Malu kalau orang kata anak dara dah besar panjang tak tahu menanak nasi."

Aku tahu mereka tidak suka dengan perangaiku yang rajin belajar kerana itu bermakna aku kurang menolong kerja-kerja nenek. Aku tidak seperti cucu-cucu mereka yang hanya akan memegang buku apabila kerja-kerja di rumah sudah diselesaikan. Selalunya apabila keletihan bekerja baru hendak melihat buku mata pun terlelap begitu sahaja.

Aku tahu mereka mencebikkan bibir apabila bercakap tentang aku. Biarlah. Mereka tidak tahu akulah yang selalu dipuji oleh guru di sekolah. Karanganku selalu dibaca untuk dicontohi oleh murid-murid lain termasuk cucu-cucu mereka itu. Aku pandai mengarang mungkin kerana aku suka membaca dan sesuatu cerita yang aku baca boleh membawa aku berkhayal berpanjangan. Jika cerita itu tentang laut beralunlah fikiran bersama gambaran ombaknya. Jika cerita itu

### 251 KELAPA NAN SEBATANG

berakhir dengan kesedihan menitislah air mataku mengasihani wataknya.

Aku akan lebih berkhayal lagi jika cerita itu tentang anak yang membalas jasa. Hatiku bersorak riang apabila anak yang disekolahkan dengan susah payah itu telah dewasa dan membahagiakan ibu bapanya. Anak itu menjadi pegawai tinggi, doktor atau jentera. Ibu bapanya hidup senang dalam rumah besar dilayan oleh beberapa orang gaji. Aku pun memejamkan mata membayangkan nenek dan Tuk Ayah menikmati kesenangan seperti itu apabila aku dewasa nanti. Merekalah yang membesarkan aku sejak ibu dan ayahku pergi menghadap Ilahi akibat satu kemalangan. Aku menanti untuk menghadiahkan nenek dan Tuk Ayah dengan segala keselesaan. Terasa lambatnyanya masa berlalu.

Malangnya Tuk Ayah sudah tak ada lagi sebelum impian itu menjadi kenyataan. Tinggallah aku bersama nenek, meneruskan kebiasaan kami. Aku ke sekolah dan nenek bekerja di rumah. Tentang wang ringgit tidaklah menjadi masalah kerana nenek menerima kiriman daripada anak-anaknya. Masalahnya, nenek semakin hari semakin dipanjat usia tua. Pernah aku pulang kelaparan tetapi tiada nasi yang menunggu kerana nenek terbaring sakit. Aku mahu cepat bekerja dan membalas jasa nenek.

Nenek gembira apabila aku dipanggil ke universiti tetapi ini juga bermakna satu masalah. Siapa yang akan kami panggil untuk menemani nenek. Nenek sudah tua untuk tinggal seorang. Kami berfikir tentang sesiapa yang mungkin dan akhirnya berpendapat yang semuanya tidak mungkin. Anak-anak nenek semuanya berjawatan di bandar. Cucu-cucu nenek semuanya sedang bersekolah, sekolah-sekolah yang baik di bandar.

Lalu bermulalah lembaran baru dalam kehidupan nenek, menjadi orang menumpang. Berjalanlah dia sebulan di rumah Pak Andak sebulan di rumah Pak Anjang, seminggu di rumah Pak Lang, sehari dua hari di rumah Busu sehinggalah aku balik bercuti.

Aku dapat merasakan keriangannya apabila dapat kembali semula ke rumahnya. Dia membuang rumput dan semak-samun. Dia berjalan melihat pokok buah-buahnya. Sejak kecil aku melihat nenek membela pokok buah-buahan. "Ini semua untuk anak-anak cucuku," kata nenek.

Kadang-kadang nenek akan bercerita juga tentang pengalamannya di rumah si anu dan si anu. Ada yang malas bercakap sehingga nenek jadi resah. Ada yang terlalu bersih hingga nenek tidak tahu di mana hendak mengacip pinang. Kadang-kadang ada juga mak-mak saudaraku yang bercakap sesama mereka atau memberitahu aku tentang kerumitan melayan nenek. Aku sedar nenek sudah tua dan ketuaan itu membuat dia cepat berkecil hati, cepat terasa. Tetapi takkan mereka tidak dapat memahaminya. Mereka juga akan tua pada satu hari kelak.

Hari yang kunantikan seumur hidupku telah pun tiba. Aku sudah bekerja dengan pendapatan yang lumayan. Aku telah bersuamikan seorang yang juga berpendapatan lumayan. Inilah masanya untukku membuktikan segala kasih sayangku kepada nenek:

Aku telah membawa nenek tinggal di rumah kami seperti yang kujanjikan kepada diriku. Tetapi apakah aku dapat memberikannya segala kebahagiaan yang pernah aku cita-citakan?

Aku bekerja di Kuala Lumpur dan ini bermakna aku membawa nenek beratus-ratus batu jauhnya dari rumah kesayangannya. Di tengah-tengah orang yang tidak dikenali dia semakin banyak bercakap tentang jiran-jirannya di kampung, tentang bagaimana mereka ke surau berjemaah dan mendengar syarahan agama. Yang lebih menyedihkan, aku tidak melayannya seperti yang aku harapkan. Aku juga tidak dapat menyediakan layanan untuknya kerana kesukaran mendapatkan pembantu rumah dan kalau dapat pun selalu mengecutkan hati nenek. Tidak seperti yang kubaca di buku-buku cerita dahulu. Lembut, hormat dan tidak kasar.

Kadang-kadang nenek menyatakan keinginannya hendak makan kuih itu kuih ini, lauk itu atau lauk ini. Dia sudah tua, sepatutnya aku cuba menyediakan idamannya. Aku tahu nenek mahu aku menolongnya memasak. Dia boleh bancuhkan ramuan-ramuan dan aku dipinta buat kerja sambil duduk dan dia perlukan orang lain untuk mengambil barang-barang yang jauh dan tinggi. Dia hanya boleh berjalan perlahan-lahan.

Jarang benar aku punya kesempatan menunaikan hajat nenek. Aku sendiri berlumba dengan masa. Setiap pagi aku hanya sempat membakar roti dengan alat pembakar. Setiap petang aku membasuh pakaian dengan mesin pembasuh. Aku tahu nenek tidak gemar

### 253 KELAPA NAN SEBATANG

makan roti bakar. Aku tahu nenek tidak berpuas hati pakaian dibasuh dengan mesin kerana tidak dicucuri air lalu.

Kukira adalah malang bagi nenek kerana tidak sempat menyediakan makanan yang disukainya kerana apa yang menepati selernya selalunya rumit dan memakan masa menyediakan apalagi bagi seorang yang sibuk dan kurang mahir sepertiku. Dalam usia yang tua dan uzur itu aku terpaksa membiarkannya dengan keinginan yang tidak terlayan. Aku dapat sempat menyediakan satu dua hidangan ringkas setiap malam dengan penuh harapan untuk memuaskan nenek dan memuaskan suamiku. Tambah malang lagi kerana selalunya sesuatu yang dapat diterima oleh nenek tidak pula disukai oleh suamiku. Sesuatu yang dapat ditelan oleh suamiku tidak dapat dikunyah oleh nenek. Maklumlah mereka bukan sahaja berasal daripada berlainan daerah dan berlainan kebiasaan tetapi juga dipisahkan oleh jurang usia.

Aku jadi kebingungan. Jika kugoreng sayur tidak terlalu masak seperti kemahuan suamiku, kasihan sungguh melihat nenek terkebil-kebil matanya cuba menelan makanan yang masih keras. Hendak kurebus sayur itu masak-masak seperti kemahuan nenek, suamiku pula tidak berselera. Aku pun kasihan kepadanya setelah seharian bekerja tidak ada pula yang hendak dimakan. Tambahan pula suamiku tidak gemar membeli makanan di luar. Apabila yang satu bermuka jernih yang satu lagi bermuka keruh. Keadaan ini pula mencabar kesabaranku. Nasib malang nenek bertambah-tambah apabila aku tidak berjaya mengawal perangaiku untuk tidak jadi marah-marah.

Nenek pernah bersungut tentang keadaan rumahku yang sering tidak berbela. Nenek pernah bersungut tentang kami yang makan sekadar sempat. Katanya, "Pada masa dahulu kamu bekerja keras kerana hendak mencari makan. Tetapi pada masa sekarang kamu semua bekerja sampai tak sempat makan." Aku pura-pura tidak mendengar rungutannya tetapi kini aku sedar akan erti kata-katanya.

Sekarang nenek tidak ada lagi di rumah kami. Beberapa bulan yang lalu dia sering demam-demam dan merasa semakin lemah. Dia merayu, "Hantarlah aku balik ke Kedah. Aku tidak mahu mati di sini. Di Kuala Lumpur kuburnya jauh terpencil, tidak berhampiran masjid seperti di kampung kita."

*NENEK 254*

Pak Andak telah datang mengambil nenek setelah dia berkali-kali menyuruhku menelefon ke Alor Setar. Khabar terbaru yang kami terima mengatakan nenek tidak boleh berjalan lagi. Aku mengenangnya dari jauh. Setitis air mata datang bersama kenangan itu.

Kami menunggu masa terluang untuk bercuti dan melawat nenek.

## Suasana

*Usman Awang*

Seorang perempuan bersamfu hijau  
dari tingkap dapur rumahnya berteriak  
dan bertanya sambil membungkus Nien Kau  
lalu tertawa mengangkat tutup periuk  
wap panas menjulang harum kanji nasi  
dan dari rumah sebelah terdengar suara lunak  
perempuan berbaju kurung menjawab senyum  
sedang jari-jarinya lincah mengisi ketupat  
dan sesekali menyudip serunding di kualiti  
segar selera dicecah baunya yang wangi.

Dari kejauhan suara-suara muda yang riang  
pekikan dan tertawa di antara letupan mercun  
dan kedua ibu saling memandangi dan tersenyum  
tanpa seruan pura-pura dari pentas-pentas politik  
hati mereka bersalaman dan saling berpelukan  
atas kesederhanaan rasa dan nasib yang sama

Esoknya kuih pau dan ketupat bertukar pinggan  
mereka saling menerima dan memberikan kepunyaan  
dan dari kedua telaga hati berkocak mesra  
mengucapkan Kong Hee dan Selamat Hari Raya

1965